

UCAPAN Y.B. MENTERI KEBAJIKAN AM
DI UPACARA PEMBUKAAN PUSAT JUALAN
BARANG-BARANG PERTUKANGAN TANGAN
DI RUMAH PO LEUNG KUK, PULAU PINANG
PADA 30HB. NOVEMBER, 1972 JAM 2.30
PETANG.

Tuan Pengerusi, Encik Khoo Keat Siew,
Ahli-ahli Jawatankuasa Pengelola bagi Rumah Po Leung Kuk,
Tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekeliannya.

Saya berasa amat gembira kerana dapat hadir di majlis jamuan teh pada petang ini. Majlis ini diadakan bersempena dengan pembukaan Pusat Jualan Barang-Barang Pertukangan Tangan yang telah pun saya resmikan sebentar tadi. Pusat Jualan ini membuktikan satu lagi kejayaan dalam bidang kemajuan yang telah tercapai oleh Jawatankuasa Rumah Po Leung Kuk ini di bawah bimbingan Tuan Pengerusi sendiri.

Saya mengetahui bahawa perkataan Po Leung Kuk ini adalah berasalkan dari tiga ayat-ayat dalam Bahasa China yang bermakna "Perlindungan bagi yang baik-baik". Adalah menjadi kenyataan yang jelas bahawa semua umat manusia mempunyai kebolehan menjadi warganegara-warganegara yang baik di samping mempelajari dan mengamalkan corakrupa, perangai serta tingkahlaku yang dapat diterima oleh masyarakat amnya. Malangnya ada beberapa orang, yang tidak dapat kita salahkan, dan kerana akibat sentiasa berhubung dengan anasir-anasir yang jahat di alam sekitarnya, telah mempelajari dan mengamalkan kelakuan serta tingkahlaku yang tidak sejajar mengikut tabiat biasa masyarakat. Oleh hal yang demikian sangatlah perlu yayasan-yayasan seumpama Rumah Po Leung Kuk ini ditubuhkan untuk memperbaiki kelakuan dan perangai yang terkeluar daripada batasan, untuk memberi perlindungan serta mengujudkan sifat-sifat yang baik, yang masih ada terpendam di kalangan anasir-anasir atau orang-orang yang jahat itu. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk menyelidik apakah sifat-sifat yang baik, dan seterusnya melahirkan sifat-sifat yang baik ini supaya dapat kita mempengaruhi dan menarik semula kanak-kanak dan orang-orang perempuan yang rosak akhlaknya ke jalan yang baik dan boleh diterima oleh masyarakat amnya dan seterusnya membuat sumbangan terhadap memperbaiki keadaan seluruh masyarakat.

Dalam melaksanakan tugas ini kita berkehendakkan penyertaan dan sokongan yang aktif daripada orang-orang yang ada berjiwa perikemanusiaan seumpama tuan-tuan dan puan-puan sekalian yang hadir di sini. Bagi pihak kami, kita akan terus memberi galakan, sokongan dan minat. Kita akan juga terus memupuk perkembangan badan-badan sukarela bukan sahaja hendak memberi peluang kepada orangramai untuk menunjukkan kesedaran dan perasaan perikemanusiaan mereka, bahkan kerana kita mahu usaha tenaga orangramai bergabung dengan usaha-usaha Kerajaan dicantumkan demi untuk kesempurnaan perkhidmatan-perkhidmatan kebajikan.

Oleh hal yang demikian, saya berasa sukacita bahawa Jawatankuasa tuan-tuan telah pun mengujudkan satu Pusat Jualan Barang-barang Pertukangan Tangan dan telah pun

menyambut terlebih dahulu seruan saya baru-baru ini kepada semua badan-badan sukarela yang ada rancangan-rancangan bagi latihan kemahiran serta pusat-pusat pertukangan tangan untuk menubuhkan satu Pusat Jualan Umum di mana hasil barang-barang pertukangan tangan keluaran daripada yayasan-yayasan tersebut boleh dipamirkan dan dipasarkan. Oleh itu, saya dengan sukacitanya mengucapkan tahniah kepada Tuan Pengerusi, dan juga kepada sekalian ahli-ahli Jawatankuasa yang mempunyai padangan jauh kerana telah berjaya menaja dan mereka aktiviti seumpama ini. Dengan adanya Pusat Jualan ini, tuan-tuan bukan sahaja dapat menambah lagi satu sumber kewangan yang akan menokok atau menambah lagi wang di dalam tabung bagi memperbaiki dan mengembangkan perkhidmatan-perkhidmatan tuan/puan, tetapi juga tuan/puan akan terus-menerus mengeluarkan hasil barang-barang yang bermutu tinggi dan setanding harganya dengan harga-harga di luar berdasarkan kepada tuntutan-tuntutan daripada pelanggan-pelanggan. Perniagaan seumpama ini sentiasa berkehendakkan program-program latihannya ditaksir dan dinilai supaya penghuni-penghuni di sini akan diberi latihan hanya dalam bidang kemahiran-kemahiran yang difikirkan munafaat. Sungguhpun keuntungan adalah menjadi satu nilai yang penting tetapi di samping itu ada juga satu keuntungan yang tidak boleh kita rasa dan tidak boleh dinilai dengan harga biasa, meskipun keuntungan itu tidak kurang penting dan istimewanya. Keuntungan itu tidak lain dan tidak bukan ialah perasaan puas hati, memulih kepercayaan diri sendiri dan juga membina semangat baru bagi penghuni-penghuni di sini kerana menyaksikan bahawa dayausaha dan tenaga mereka telah mendapat sambutan baik daripada khalayak ramai. Barang sudah tentu jualan-jualan yang laris dan pelanggan-pelanggan yang sentiasa datang boleh menolong memulihkan keyakinan kepada diri mereka sendiri dan juga maruah atau penghargaan diri mereka semua. Ini sangat-sangatlah penting dan mustahak bagi proses pemulihan yang dirancang bagi penjenayah-penjenayah (criminals).

Soal pemasaran barang-barang hasil keluaran daripada yayasan-yayasan kebajikan masyarakat bukanlah sahaja menjadi masaalah-masaalah kepada badan-badan sukarela bahkan juga menjadi masaalah kepada Kementerian saya. Oleh sebab itulah saya telah menggesa semua agensi-agensi memikirkan soal penubuhan satu Pusat Jualan Barang-barang secara bergabung di tiap-tiap negeri. Mungkin kita dengan mudahnya dapat mengujudkan satu Pusat Kebajikan bagi jualan barang-barang itu secara bersekutu di tiap-tiap negeri sekiranya semua pihak yang berkenaan dapat mengumpulkan segala usaha tenaga dan kebijaksanaannya, berdasarkan kepada pengalaman masing-masing semasa merancang projek ini. Pusat seumpama ini akan memberi banyak faedah. Ini akan menolong memberi fahaman dan kesedaran kepada orang ramai tentang langkah-langkah dan dayausaha yang sedang dilaksanakan untuk rakyat jelata yang kurang bernasib baik dan dengan cara ini mereka akan berasa terpaksa memberi sokongan kepada usaha-usaha ini. Ianya juga akan menjadi satu agensi pemasaran kepada semua yayasan-yayasan kebajikan. Ini juga akan mengujudkan koodinasi dan penggunaan bahan-bahan dengan cara yang lebih baik dan juga menggunakan kemudahan-kemudahan ini dengan lebih berkesan

lagi. Ini juga akan memberi kesempatan supaya program-program bagi latihan kemahiran dapat sentiasa diberi penilaian dan taksiran; dan ada kemungkinan juga sesuatu agensi itu akan dikhaskan untuk mengeluarkan barang-barang yang tertentu sahaja. Akhirnya, ia juga akan memberi sumbangan terhadap menambahkan lagi dayausaha-dayausaha untuk menarik ramai lagi pelancung-pelancung oleh sebab satu Pusat Jualan yang besar sekiranya terletak di kawasan yang molek dan senang dihampiri akan memberi kemudahan kepada pelancung-pelancung dan pelawat-pelawat yang ingin membeli-belah.

Saya berharap Pusat Jualan ini akan berkembang dan menjadi satu Pusat Perniagaan yang tersebut tadi. Selaku Yang di Pertua Majlis Kebajikan Masyarakat Malaysia (Malayan Social Welfare Council) saya memberi perakuan bahawa Majlis ini akan memberi sokongan terhadap rancangan perniagaan yang baru ini yang patut mendapat kepujian.